

RMK-9 manfaat sektor pembinaan

BH-8/3/2006

Kerajaan pastikan kemudahan infrastruktur mencukupi

Oleh Veena Rusli

SUBANG: Syarikat yang terlibat dalam sektor pembinaan terutama kontraktor, akan menikmati pelbagai faedah dan keistimewaan menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang dijangka dibentangkan di Dewan Rakyat 31 Mac ini.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr Fong Chan Onn, berkata syarikat pembinaan dan kontraktor pasti tersenyum apabila RMK-9 dibentangkan kerana kerajaan akan memastikan kemudahan infrastruktur bagi rakyat sentiasa mencukupi.

"RMK-9 akan memberi banyak manfaat kepada semua, termasuk kontraktor," katanya selepas dialog bersama ketua pegawai eksekutif daripada industri pembinaan di sini, semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dijadual membentangkan RMK-9.

Dalam perkembangan lain, Fong berkata, kos bagi penyediaan langkah keselamatan di tapak pembinaan akan diasingkan daripada tender menerusi peruntukan khusus yang ditetapkan jumlahnya oleh kerajaan berdasarkan saiz projek.

Katanya, ia bertujuan memastikan majikan melaksanakan pengurusan

“RMK-9 akan memberi banyak manfaat kepada semua, termasuk kontraktor”

Dr Fong Chan Onn
Menteri Sumber Manusia

keselamatan dan kesihatan di tapak kerja dengan lebih teliti serta teratur.

"Berdasarkan amalan bida tender ketika ini, kontraktor biasanya dipilih berdasarkan tawaran kos paling rendah dan untuk itu, ada yang mengurangkan perbelanjaan penyediaan langkah keselamatan di tempat kerja.

"Kita ada menerima cadangan supaya komponen keselamatan dikeluarkan daripada bida dan kerajaan tetapkan jumlah khusus bagi aspek keselamatan... bagi saya itu idea yang bernas dan praktikal untuk dilaksanakan.

"Cadangan ini adalah keputusan dasar yang penting dan saya akan dapatkan maklum balas serta pandangan kontraktor sebelum dikemukakan ke Kabinet," katanya.

Fong berkata, jumlah yang mesti diperuntukkan bagi penyediaan langkah keselamatan akan ditetap-

kan selepas pihaknya berbincang dengan wakil industri binaan.

Katanya, pengasingan kos itu diharapkan berupaya meningkatkan kesedaran di kalangan majikan terutama kontraktor berhubung kepentingan keselamatan di tempat kerja, di samping memastikan kontraktor tidak memperuntukkan jumlah minimum bagi tujuan itu.

"Apa yang mengecewakan ialah ada kalanya kemalangan di tempat kerja berlaku kerana kecuaiannya membiarkan skru berseparah ketika pekerja berehat atau jentera ditinggalkan tanpa pengawasan.

"Ia mungkin remeh tetapi boleh menyebabkan nyawa terkorban," katanya sambil menegaskan DOSH juga akan memperkenalkan peraturan baru yang memerlukan majikan mengurus keselamatan dan kesihatan tapak kerja secara sistematik.